

Headline	Pemidato UPM, UIAM ungguli pertandingan akhir Pidato IPT		
Date	28. Aug 2008	Language	MALAY
Media Title	Berita Harian	Page No	16
Section	Pendidikan	Article Size	284 cm²
Circulation	217920	Frequency	Daily
Readership	2083000	Color	Full Color
		AdValue	



Pemidato UPM, UIAM ungguli pertandingan akhir Pidato IPT

Oleh Basir Zahrom

PEMIDATO Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mengungguli pertandingan akhir Pidato Kemerdekaan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia 2008 dengan masing-masing menjuarai kategori Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, di Serdang, kelmarin.

Pemidato UPM yang juga pelajar semester lima Fakulti Pengajian Pendidikan, Mohd Shamsul Salleh, menyifatkan kemenangannya bagi kategori Bahasa Melayu sebagai penebus kekalahannya pada pertandingan anjuran Universiti Malaysia Terengganu, di Kuala Terengganu, baru-baru ini.

"Walau pun persediaan yang dibuat agak singkat, namun berkat kerjasama rakan pasukan, saya mampu memperkenalkan persembahan terbaik, sekali gus memenangi pertandingan itu."

"Hadiah yang dimenangi akan saya derma kepada Kelab Debat UPM, selain mengadakan jamuan kesyukuran," katanya pada majlis penyampaian hadiah yang disempurnakan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Datuk Hou Kok Chung.

Turut hadir Ketua Eksekutif Yayasan Tunku Abdul Rahman, Dr Tengku Ab Aziz Tengku

Zainal; Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah; Pengurus Majlis Debat Universiti-universiti Malaysia (Madum), Prof Datuk Dr Nasruddin Othman dan Pengurus Jawatankuasa Kecil Madum, Tajul Ariffin Adam.

Pertandingan itu adalah kali kelima dianjurkan Kementerian Pengajian Tinggi dan Yayasan Tunku Abdul Rahman dengan kerjasama Madum, UiTM dan UPM.

Sementara itu, johan pemidato Bahasa Inggeris, Zamir

Hamdy, berkata beliau tidak menyangka menangi pertandingan terbabit kerana pidato adalah bidang baru baginya.

"Saya tidak pernah menyertai sebarang pertandingan pidato kerana sebelum ini saya hanya berkecimpung dengan perbahasan dan kemenangan ini adalah hasil keyakinan universiti memilih saya mewakili UIAM.

"Dengan dorongan yang mereka berikan, saya cekal berlatih sendiri, selain bertanya kepada rakan senior mengenai teknik penyampaian pidato yang baik," katanya.



NUR ADIBAH AHMAD/ZAMII BERITA HARIAN

BANGGA: Zamir (kiri) dan Mohd Shamsul bersama trofi yang dimenanginya selepas pertandingan akhir Pidato Kemerdekaan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia 2008 di UPM, baru-baru ini.